

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Syarikat Makxilaba Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Sungai Petani, Kedah atas dua pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik dengan membuat penyambungan haram ke atas meter Tenaga Nasional Berhad untuk tujuan operasi kolam menternak udang milik syarikat. Pada 21 Februari 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Sungai Petani telah menjatuhkan hukuman denda RM40,000.00 bagi kedua-dua pertuduhan. OKS telah membayar denda tersebut.